

16/06/2002

Anita layan tetamu seperti di istana

Roslen Fadzil

TIDAK ada yang lebih membahagiakan Mohd Mahathir Abdullah apabila dihadiahkan sebuah majlis yang cukup bermakna sempena ulang tahun hari jadinya yang ke-49, pada 8 Jun lalu. Menitik air mata lelaki Inggeris bertubuh tegap itu yang sebak dan mengakui, selama ini, dia tidak pernah pun meraikan majlis hari jadi. Namun selepas sekian lama, duda anak satu itu akhirnya menerima hadiah yang sebegitu indah daripada isteri tercinta, Anita Sarawak.

"Assalamualaikum dan selamat petang. Untuk pengetahuan semua dan terus terang, inilah majlis hari jadi pertama dalam hidup saya. Ia amat bermakna... terlalu bermakna. Semua ini adalah dari seorang wanita yang amat istimewa dalam hidup saya, Anita," kata Mahathir yang memulakan ucapannya tetapi kemudian menjarakkan mikrofon seketika kerana sebak.

Kemudian dia menyambung: "Islam mengajar dan mengubah corak hidup saya. Begitu juga dengan orang Melayu kerana mereka mengajar saya menjadi lebih merendah diri. Sebelum ini saya tidak begitu. Saya sedang belajar dan ini semua ibarat satu perjalanan. Syukur kepada Tuhan kerana Dia Maha Kaya."

Sebenarnya sambutan hari lahir itu turut dikongsi bersama oleh Mahathir dengan seorang kenalan rapat mereka, Yusoff Ismail iaitu Pengerusi Eksekutif MYI International Pte Ltd. Yusoff juga seorang produser terkenal di Singapura dan menerbitkan program Mahligai yang dihoskan Anita.

Bagi Anita sendiri - wanita perfectionist - dia tahu apa yang terbaik untuk suaminya. Lantaran itu dia memilih tempat yang eksklusif seperti Royal Wing, di Royal Plaza On Scotts, bertempat di kawasan komersial Singapura untuk menganjurkan acara berkenaan.

Royal Wing adalah ruang khas yang memuatkan dua bahagian - Royal Residence dan Royal Apartments. Ia mempunyai lapan suite mewah yang dinamakan bersempena batu permata iaitu Topaz, Opal, Sapphire, Jade, Amethyst, Emerald, Ruby dan Diamond. Ia dilengkapi ruang tamu, ruang makan, bilik tidur, bilik bacaan, dapur serta bilik mandi. Suasana di situ tampak lebih menawan bak istana dengan adanya pancutan air di bahagian tengahnya, Gallery, tempat majlis itu berlangsung.

Hanya 50 jemputan saja diundang dan Anita sendiri yang memastikan pengesahan setiap nama yang akan hadir. Antara mereka yang kelihatan ialah Datuk Bandar (Timur Laut) Singapura, Zainul Abidin Rasheed; Bekas Menteri Kebudayaan Hal Ehwal Masyarakat Melayu Singapura, Othman Wok; Naib Presiden Suria Mediacorp, Basir Siswo dan isterinya, Lynn Nasir serta anak lelaki mereka, Shuraim, lima tahun.

Tetamu lain ialah teman karib Anita & Mahathir seperti Malek Mattar, Sharizad Aljunied, Hafeez Glamour dan Rudy Marican - The Singing Lawyer yang menjadi pengacara majlis itu.

Anita ketika ditanya Bintang Popular menjelaskan, dia mempunyai sebab tersendiri kenapa memilih Royal Plaza On Scotts (yang kini sudah diambil alih pengurusannya oleh kerabat diraja Brunei Darussalam) bagi meraikan Mahathir dan Yusoff.

"Hiasan dalaman di Royal Wing ini mempunyai banyak persamaan dengan rumah saya di Las Vegas. Jadi apabila membuat majlis untuk Mahathir di sini, I really feel at home. Seperkara lagi, saya sukakan hotel ini kerana saya dah chefnya. Malah kami berdua pernah menjayakan rakaman program Mahligai, baru-baru ini," jelas Anita.

Malam itu, Anita yang sentiasa prihatin terhadap fesyen memilih baju sutera organza Gianfranco Ferre berwarna krim yang dipadankan dengan

seluar hitam kembang. Mahathir pula mengenakan kot merah Masatomo yang disesuaikan dengan seluar hitam serta kemeja putih.

Apakah pula hadiah Anita untuk Mahathir bagi meraikan sambutan hari jadi pertamanya sejak mereka bergelar suami isteri, Ogos lalu?

"Saya hadiahkan dia (Mahathir) seutas jam tangan Bvlgari. Memang jam tangan menjadi barang kesukaan Mahathir," kata Anita yang nyata melayan tetamu dengan penuh kemesraan.

Anita dan suaminya turut terharu kerana majlis itu mendekatkan semula hubungan mereka dengan adik lelakinya, Daridah Syed, 39. Seperti mana Anita, Daridah mempunyai iras wajah ibu mereka, Allahyarham Seniwati Siput Sarawak.

"Alangkah bertuahnya kalau orang tua kami dapat melihat kemesraan ini," kata Anita. Mahathir juga merindui anak lelakinya, Mathew di Hampton yang tidak dapat hadir kerana terikat dengan pengajian. Hadirin menikmati kombinasi menu Timur dan Barat secara buffet.

Anita tidak melupakan juadah enak, Sambal Olek yang menjadi kegemarannya sejak kecil. Selain itu, dia turut memberikan idea sendiri bagi corak gubahan bunga dalam pelbagai jambangan yang menerbitkan aroma harum dalam Royal Wing itu.

Berdetik juga di hati, berapakah kos yang Anita belanjakan untuk menganjurkannya?

"Tak payahlah kita sentuh soal figure. Biarlah ia menjadi rahsia saya," kata Anita, 50, dalam nada lembut sambil Mahathir tersenyum memandang.

Acara malam itu dipenuhi dengan nyanyian spontan Mahathir, Anita dan hos Rudy Marican. Antara lagu yang berkumandang ialah My Way, Rasa Sayang Eh, Just The Way You Are, Engkau Laksana Bulan dan Akhirnya Kini Pasti.

Hawa malam tambah panas apabila `Birthday Boys' tampil ke depan menari rambong dalam lagu Thai, Loy Krathong dan kemudian berjoget selamba dalam Lodeh Mak Lodeh!

Majlis itu meninggalkan kenangan paling manis bagi Mahathir dan Yusoff. Cinta Mahathir kepada isterinya tergambar dalam puisi yang dikarang sendiri oleh beliau. Ia berbunyi:

"You have my heart
You have my soul
You make me one
You make me whole
You make me smile
When I feel sad
You make things good
When they are bad
You never take
You always give
And this is how
I want to live
My life is blessed
With you around
And I thank God
That I have found
One like you, and may I say -
A lady who's perfect in everyway
Thank you for just being you
Aku cinta padamu, sayangku."

(END)